SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 14 MEI 2025 (RABU)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar **dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **kod bidang 222705** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
1.	[FTA (CPTPP)] Perkhidmatan Penyumberluaran *(Outsourcing)* Ujian Saringan Kanser Serviks Menggunakan Kaedah Ujian *Human Papillomavirus* (HPV) DNA Dan *Triaging* Menggunakan *Liquid-Based Sitologi* Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my*)* dan MyProcurement [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] **No. Tender : QT250000000010709**	100/2025	Tarikh : 16 Mei 2025 (Jumaat) Masa : 3.00 petang <u>Secara atas talian</u> Melalui pautan *Google Meet* seperti berikut: meet.google.com/pgq-rxhd-npu Nota: Kegagalan mengisi Borang Pengesahan Kehadiran semasa sesi taklimat berlangsung akan dianggap tidak menghadiri sesi taklimat tender tersebut.	1.Petender **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat tender. 2.Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut: (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan; (ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;	Secara ePerolehan

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
				(iii) Harga yang ditawarkan pembida adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (*Margin Of Preference* – MOP); dan (iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)	
	*** PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN**				

Telecenter:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325

Dokumen Tender boleh disemak mulai **14 Mei 2025 (Rabu) dengan melayari www.eperolehan.gov.my.**

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled.* Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara ***Auto Invite*** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk *(key-in)* ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **25 Jun 2025 (Rabu), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran *(one-time payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran *(multiple payment)* melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia